

Cadangan MyViews : Penambahbaikan laman sesawang PERKESO

1. Tajuk	: Penambahbaikan laman sesawang PERKESO
2. Cadangan Myviews	
2.1 Nama	: Siti Aminah Binti Bairosh Khan
2.2 Tarikh cadangan diterima	: 14 Ogos 2020
2.3 Cadangan yang dikemukakan	: Memperhalusi susun atur kandungan di dalam laman web PERKESO yang mesra pelanggan dengan pengenalan audio bagi golongan kurang upaya, pemilihan warna tulisan di dalam laman web yang terlalu malap, mengemaskini maklumat-maklumat dengan teratur.
3. Perlaksanaan Cadangan Myviews	: Laman Web PERKESO baharu yang lebih <i>user friendly</i> telah dilancarkan pada Oktober 2020.

Latar belakang Laman Web PERKESO baharu:

i. **Mula diperkenalkan** : Mula dibangunkan pada Januari 2020 dan setelah melalui beberapa proses penambahbaikan dengan mempertimbangkan kebolehlaksanaan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan, laman web PERKESO yang baharu dilancarkan secara rasmi pada 1 Oktober 2020 semasa Hari PERKESO.

ii. Objektif :

- Membangunkan laman web dengan reka bentuk terkini yang lebih moden, mesra pengguna, dinamik dan mengikut peredaran teknologi semasa.
- Rekabentuk laman web dibangunkan berdasarkan versi terkini yang mempunyai ciri keselamatan yang ditambahbaik.

iii. Ciri-ciri :

- Rekabentuk lebih moden dan mengikut peredaran zaman
- Rekabentuk yang lebih mesra pengguna dengan menekankan pautan kandungan Skim Perlindungan PERKESO diletakkan pada laman utama
- Untuk laman direktori, laman web juga disertakan cengan ciri Google Maps selain alamat PPN/PPP semata-mata.
- Slider yang lebih besar untuk memaparkan *highlighted content*
- Susunatur kandungan juga lebih teratur berbanding laman web terdahulu

- Menggunakan latar belakang putih dipadankan dengan warna korporat biru dan hijau sebagai padanan dalam menyusun kandungan